

TERIMA KASIH MAHATHIR PADA PENGUNDI² GOPENG

Bukti rakyat

Lagi
laporan
lihat
Muka 19

tetap mahu BN

UM 18 MAY 1987

memerintah

KUALA LUMPUR 17 Mei —
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad mengangap
kejayaan Barisan Nasional
dalam pilihanraya kecil
Parlimen Gopeng semalam
membuktikan sekali lagi rakyat
menyokong dan meletakkan

kepercayaan mereka kepada
Barisan Nasional untuk
mentadbir negara ini.

Perdana Menteri berkata ia juga menunjukkan
bahawa rakyat mahukan sebuah parti politik dan
kerajaan yang boleh membawa perpaduan dan
kemajuan serta menolak cara-cara tidak sopan
dalam politik Malaysia.
Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional

berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar
hari ini sebagai mengulas kemenangan calon
Barisan Dr. Ting Chew Peh dalam pilihanraya
kecil itu.

Dalam pilihanraya itu Dr. Ting memperolehi
12,619 undi menewaskan calon DAP, Encik
Ahmad Nor 8,096 dengan majoriti 4,523 undi.
Seorang calon Bebas Encik Tan Kee Chye cuma
memperolehi 103 undi.

LIHAT MUKA 6

Bukti rakyat mahu BN memerintah

UM 18 MAY 1987

Datuk Sri Dr. Mahathir mengucapkan berbaqyak terima kasih kepada para pengundi kawasan pilihanraya Gopeng kerana sekali lagi memilih calon Barisan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Dr. Ting atas kemenangan beliau serta para pekerja Barisan kerana menentukan kejayaan ini.

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba pula berkata, bahawa kemenangan Dr. Ting itu menunjukkan kepercayaan rakyat terhadap pucuk pimpinan negara di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir. Beliau yang berpuas hati dengan kerjasama komponen - komponen BN berkata rakyat sudah cukup matang untuk memilih parti demi keselamatan dan kestabilan negara.

Sambil mengucapkan tahniah kepada BN Negeri Perak di bawah pimpinan Menteri Besar Dato' Sri Ramli Ngah Talib, Encik Ghafar berkata BN akan bekerja untuk kepentingan rakyat dan negara.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa usaha akan terus dilakukan bagi memperkukuhkan kerjasama di kalangan komponen BN sementara perpaduan di kalangan rakyat dibina terus - menerus.

MCA pula bagaimanapun menegaskan pihaknya tidak akan bersikap berpuas hati atas kemenangan calonnya dalam pilihanraya kecil Parlimen Gopeng semalam dan akan mengadakan satu siri lawatan ke seluruh negara untuk memberi penerangan mengenai cara kotor DAP berkempen dalam pilihanraya ini. Presidennya Datuk Dr. Ling Liong Sik berkata, taktik kotor DAP berkempen di Gopeng kali ni khususnya cara mereka memutarbelitkan fakta akan dijelaskan untuk pengetahuan umum. 'Dalam kempenya di Gopeng DAP telah

menurunkan dirinya ke tahap moral yang paling rendah dalam sejarah parti itu," katanya semasa dihubungi untuk mengulas kemenangan calon Barisan dalam pilihanraya kecil Parlimen itu.

Datuk Dr. Ling mendakwa cara DAP berkempen khususnya menggunakan taktik menjatuhkan personaliti seorang calon lawan serta memutarbelitkan fakta adalah antara cubaan mereka untuk menipu para pengundi.

Beliau menjelaskan tujuan MCA hendak menerangkan perkara itu kepada rakyat adalah untuk membuktikan betapa rendahnya moral Parti DAP.

Datuk Dr. Ling bagaimanapun mengucapkan terima kasih kepada semua parti komponen Barisan yang telah membantu berkempen dalam pilihanraya kecil ini. Menurut Presiden MCA itu beliau juga mengingatkan ahli Parlimen Gopeng baru, Dr. Ting bahawa kemenangannya itu bukanlah tamat satu perjuangan tetapi adalah permulaan satu episod yang

baru.

Presiden MIC, Datuk Samy Vellu pula berkata kemenangan Barisan itu merupakan petanda jelas rakyat telah mengundi untuk terus menikmati kemajuan, perpaduan dan kestabilan. Beliau juga mengangap ia menunjukkan kepercayaan mereka terhadap kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Samy berkata sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional tidak akan sekali - kali pudar sekalipun terdapat cubaan untuk merosakkan kewibawaan calon Barisan menerusi strategi kempen yang tidak adil dan tidak mengikut etika. Menteri Besar Perak Dato' Sri Ramli Ngah Talib menyifatkan kemenangan BN itu sebagai membuktikan keyakinan rakyat kepada kerajaan BN untuk mentadbir dan membangunkan negara. Beliau memberitahu pemberita selepas keputusan pilihanraya kecil itu diumumkan di pusat pengiraan undi Sekolah Menengah Sultan Yusuf di

Gopeng tengah malam tadi bahawa kemenangan BN dengan majoriti yang berkurangan ialah perkara biasa dalam pilihanraya.

"Mungkin kali ini pengundi kurang bersemangat untuk keluar beramai - ramai mengundi dan lagi pun kali ini hanyalah pilihanraya kecil," kata beliau.

Dato' Sri Ramli yang juga Pengerusi Perhubungan BN Perak berkata, beliau kesal dengan kekecohan dan pergaduhan semasa berkempen dan berharap kejadian seumpama ini tidak akan menjadi trend pada pilihanraya akan datang.

Mengenai taktik kotor yang digunakan oleh DAP termasuk menimbulkan isu peribadi, Menteri Besar berkata, ini menunjukkan betapa terdesaknya parti itu.

Mengenai pencalonan Ahmad Nor oleh DAP, beliau berkata, pada mulanya BN kkuatir pengundi Melayu akan mengundi calon DAP itu tetapi jentera pilihanraya BN bekerja keras untuk meyakinkan pengundi Melayu.